



AUTOMATIC BALANCE CONVERSION (ABC) PROGRAMME FOR CREDIT CARD-i (TAWARRUQ)

Visa

Date: _____
[The date is to be filled in by Sales Personnel]

PRODUCT DISCLOSURE SHEET (PDS)

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take the ABC Programme for Credit Card-i (Tawarruq) programme. Be sure to also read the terms & conditions of this programme and the terms & conditions of Credit Card-i. Please seek clarification from us if you do not understand any part of this document or the general terms.

1. What is this product about?

Automatic Balance Conversion (ABC) Programme for Credit Card-i, is a programme that automatically converts the Bank Muamalat Malaysia Bhd (BMMB) cardholder's outstanding card balance into a thirty six (36) month programme of monthly instalments with a lower effective profit rate. The objective is to alleviate potential difficulty by providing vulnerable cardholders with a structured payment plan with lower profit charge.

Cardholders are categorized as vulnerable if:

- (i) Earn less than RM5,000 monthly;
- (ii) Are consistent revolvers over the last twelve (12) months;
- (iii) Average payments made are 10% or less of the outstanding balances over the last twelve (12) months.

In addition to the above, cardholder's will be eligible for ABC if they fulfil the following:

- (i) Malaysian citizen
- (ii) The Credit Card-i facility is not delinquent.

Cardholders who are undergo first-time conversion are granted a thirty (30) day Cooling-off period to opt out from ABC without incurring any profit charges. For subsequent conversions (if any), the cardholder is given the opportunity to opt out of the programme before commencement of the conversion. Cardholders will be notified thirty (30) days before a conversion commences.

The outstanding balance converted into the ABC programme represents the cardholder's utilisation of the prescribed limit. The limit will only be restored after the programme is settled in full.

2. What do I get from this programme?

- a) **Purpose of the programme:** By participating in the ABC programme, your outstanding principal balance is converted into fixed term payment plan whereby the effective profit rate will be lower.
- b) **Financing Amount Converted:** The outstanding principal balance comprising retail spending and cash withdrawal transactions. The converted amount excludes accrued and outstanding profit charges and other fees incurred. Minimum outstanding balance (the convertible amount) is RM1,000.
- c) **Programme Tenor:** Thirty six (36) months
- d) **Profit Rate:** 13% p.a.

Note: The credit card-i facility cannot be utilised until settlement of the ABC programme. You may choose to opt out from this programme within sixty (60) days from the date you received the offer for the ABC programme.

3. What are my obligations?

- Minimum monthly payment is the fixed monthly instalments under ABC plus any fixed instalment amounts (if any).
- Any overdue Minimum payments.
- The monthly instalment is calculated based on the following formula:

(Conversion amount X Profit Rate X Tenor in years) + Conversion Amount

Tenor in Months

- Payments can be made via :
 - Online Funds Transfer; or
 - Over the counter;

4. What are the fees and charges I have to pay?

- No fees and charges are imposed on you for the conversion of the outstanding principal balance under the ABC programme.
- There are no early settlement charges. You are free to settle the outstanding balance amount before the programme's maturity.
- We will communicate to you at least twenty one (21) calendar days prior to the effective date of implementation if there are any changes in terms and conditions or fees and charges that are applicable to this product.
- Kindly refer to our website at www.muamalat.com.my for details of fees and charges.

5. What if I fail to fulfil my obligations?

- **Ta'widh (Compensation):** In the event that you do not meet the minimum monthly payment payable by the due date, you will be charged up to **1%** of the outstanding balance of the payment due (*total arrears), subject to a maximum of **RM100**. The *Ta'widh* charges shall neither be compounded nor added to the outstanding amount in arrears for the computation of profit charges.
- **Illustration of *Ta'widh* on 1 month of arrears:**

Outstanding balance of the payment due	:	RM 500
(*Total Arrears)		
<i>Ta'widh</i> amount	=	500 x 1%
	=	RM 5.00

- Legal action will be taken against you if you fail to respond to the reminder notices on your payment arrears.
- Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.
- Profit charges will accrue on any overdue or outstanding instalment amount not paid in full. The profit charges shall be incurred as per normal profit rate of the Credit Card-i facility.
- In the event of default of payment or cancellation of the Credit Card-i facility, any outstanding instalments or balances under this arrangement shall become immediately due and payable by the cardholder.
- **Right to set-off:** The Bank is entitled to set-off any outstanding amount due in this financing account from any of your deposit accounts maintained with the Bank, which we will notify you at least seven (7) calendar days in advance.

6. What if I fully settle the financing before its maturity?

Ibra' or Rebate on deferred profit shall be provided to the Customer subject to Shariah principle:

- (a) The Bank shall grant *Ibra'* or Rebate in case of early settlement of the Facility to the Customer;
- (b) The Bank shall grant *Ibra'* or Rebate on its charges/profit of the unutilised amount of the Facility
- (c) The Bank shall grant rebate if there is any difference between the total Ceiling Profit Charges and the total monthly instalment / Actual Profit Charges payable at the end of financing tenor (as the case may be);



AUTOMATIC BALANCE CONVERSION (ABC) PROGRAMME FOR CREDIT CARD-i (TAWARRUQ)

Visa

Date: _____
[The date is to be filled in by Sales Personnel]

PRODUCT DISCLOSURE SHEET (PDS)

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take the ABC Programme for Credit Card-i (Tawarruq) programme. Be sure to also read the terms & conditions of this programme and the terms & conditions of Credit Card-i. Please seek clarification from us if you do not understand any part of this document or the general terms.

- (d) Any *ibra'* or Rebate granted by the Bank shall be deemed as final and conclusive and the Customer agrees as to the accuracy of the *ibra'* or Rebate granted without any contestation or dispute; and

Note: Item (a), (b) & (d) are applicable for both fixed and floating Facility whilst item (c) is only applicable for floating Facility and subject that there is no event of default occurring and continuing.

- (e) General *ibra'* formula:

Outstanding Balance (Outstanding Selling/ Sale Price)	-	Outstanding Principal Amount	-	Amount Due to the Bank ¹	-	Reduction of <i>ibra'</i> ²
--	---	------------------------------------	---	---	---	--

Whereby:

¹ Amount due to the Bank refers to any profit amount due by the Customer upon early settlement such as current month charges/profit and/or charges/profit in arrears (if any).

² Reduction of *ibra'* refers to the cost that Customer needs to bear due to early settlement prior maturity (if applicable).

Illustration of *ibra'* granted at maturity of 5 years:

$$\begin{aligned} \text{Ibra' Granted} &= 15,236 - 10,000 - 2,075.84 - 0 \\ &= 3,160.16 \end{aligned}$$

7. Can I cancel the ABC Programme?

- If you wish to cancel the ABC programme after conversion, you may contact the Bank at the below contact details.
- The converted amount will be restored back to the Credit Card-i facility and normal profit rates will apply.
- If you have problems to fulfill your financing obligations, please contact us immediately for payment alternatives via telephone 03-2600 5500 or email feedback@muamalat.com.my.

8. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us on any changes to your contact information to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

Tel : 03-26005500
Website : www.muamalat.com.my
Branches : Any nearby BMMB branches

9. Where can I get assistance and redress?

- If you have difficulties in making payments, you may contact us earliest possible to discuss other payment alternatives.
- If you wish to make a complaint on the product or services provided by us, you may contact us at:

Write in to : Bank Muamalat Malaysia Berhad
Customer Service Department
Level 19, Menara Bumiputra
21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-26005500
E-mail : feedback@muamalat.com.my
Website : www.muamalat.com.my

- Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counseling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:

Write in to : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
Level 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2616 7766
E-mail : enquiry@akpk.org.my

- You may register for the free BNM programme "Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!)" which aims to educate you on essential financial knowledge as well as skills in money and personal debt management.
- If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:

Write in to : Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
Fax : 03-2174-1515
eLINK : <https://telelink.bnm.gov.my/>

10. Where can I get further information?

Should you require additional information on this product, kindly refer at our website at www.muamalat.com.my.

11. Other products available?

- Debit Card-i
- Credit Card-i Visa Infinite
- Credit Card-i Visa Platinum

IMPORTANT NOTE:

LEGAL ACTION MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF YOU DO NOT KEEP UP WITH PAYMENTS OF YOUR CREDIT CARD-i (TAWARRUQ) BALANCES.



PENUKARAN BAKI AUTOMATIK (ABC) KAD KREDIT-i (TAWARRUQ)

Visa

Tarikh: _____
[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf]

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon program ABC Kredit Kad-i (Tawarruq). Sila baca terma & syarat program ini beserta terma & syarat Kad Kredit-i. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

Program Penukaran Baki Automatik (ABC) untuk Kad Kredit-i adalah program yang secara automatik menukar baki pemegang kad Bank Muamalat Malaysia Bhd (BMMB) menjadi program ansuran bulanan selama tiga puluh enam (36) bulan dengan kadar keuntungan efektif yang lebih rendah. Objektifnya adalah untuk meringankan kemungkinan kesusahan dengan menyediakan pelan pembayaran berstruktur untuk pemegang kad yang berisiko dengan caj keuntungan yang lebih rendah.

Pemegang kad berisiko adalah:

- (i) Pendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan;
- (ii) Merupakan "revolver" yang konsisten selama dua belas (12) bulan;
- (iii) Purata pembayaran yang dibuat adalah 10% atau kurang dari baki tertunggak selama dua belas (12) bulan terakhir.

Sebagai tambahan kepada perkara di atas, pemegang kad akan layak untuk ABC jika mereka memenuhi perkara berikut:

- (i) Rakyat Malaysia
- (ii) Kemudahan Kad Kredit-i tiada tunggakan

Pemegang kad yang membuat penukaran pertama kali diberikan tempoh bertenang selama tiga puluh (30) hari untuk memilih keluar dari ABC tanpa dikenakan sebarang caj keuntungan. Untuk penukaran berikutnya (jika ada), pemegang kad diberi peluang untuk tidak mengikuti program sebelum permulaan penukaran. Pemegang kad akan diberi notis tiga puluh (30) hari sebelum penukaran bermula.

Baki tertunggak yang ditukar ke ABC merupakan penggunaan had kad yang ditetapkan oleh pemegang kad. Had hanya akan dipulihkan setelah penyelesaian penuh dibuat.

2. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- a) **Tujuan program:** Dengan menyertai program ABC, baki prinsipal tertunggak akan ditukar menjadi pelan pembayaran berstruktur jangka tetap di mana kadar keuntungan efektif akan lebih rendah.
- b) **Jumlah Pembiayaan Ditukar:** Baki prinsipal yang belum dijelaskan merangkumi perbelanjaan runcit dan pengeluaran tunai. Amaun yang ditukar tidak termasuk caj keuntungan yang terakru dan belum dibayar dan juga fi-fi lain. Minimum baki tertunggak (amaun yang boleh ditukar) adalah RM1,000.
- c) **Tempoh Program:** Tiga puluh enam (36) bulan
- d) **Kadar Keuntungan:** 13% setahun

Nota: Kemudahan kad kredit-i tidak boleh digunakan sehingga penyelesaian penuh program ABC. Anda boleh memilih untuk tidak menyertai program ini dalam enam puluh (60) hari daripada Tarikh anda terima tawaran untuk program ABC ini.

3. Apakah tanggungjawab saya?

- Bayaran bulanan minimum adalah ansuran bulanan tetap di bawah ABC tambah jumlah ansuran tetap (jika ada).
- Sebarang pembayaran minimum yang tertunggak.

- Formula untuk pengiraan ansuran bulanan adalah:

(Jumlah Ditukar X Kadar Keuntungan X Tempoh dalam tahun) + Jumlah Ditukar

Tempoh dalam bulan

- Pembayaran boleh dibuat melalui:
 - o Pindahan dana atas talian; atau
 - o Kaunter; atau

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- Tiada fi dan caj dikenakan untuk penukaran baki di bawah program ABC.
- Tiada caj penyelesaian awal. Anda boleh membuat penyelesaian penuh sebelum kematangan program.
- Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan berkuat kuasa sekiranya terdapat sebarang perubahan pada terma dan syarat atau di dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas produk ini.
- Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.

5. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- **Ta'widh (Caj Ganti rugi):** Sekiranya anda tidak memenuhi bayaran bulanan minimum yang perlu dibayar pada tarikh matang pembayaran, anda akan dikenakan sehingga 1% daripada jumlah baki tertunggak yang perlu dibayar (*Jumlah tunggakan), dihadkan kepada RM100. Caj Ta'widh tidak akan dikompakan atau ditambah kepada caj amaun tunggakan yang tertunggak untuk pengiraan caj keuntungan.
- Ilustrasi Ta'widh dikenakan atas tunggakan bayaran 1 bulan:

Baki tunggakan yang perlu dibayar	:	RM 500
(Jumlah tunggakan)		
Amaun Ta'widh	=	500 x 1%
	=	RM 5.00

- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda jika anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan mengenai tunggakan pembayaran anda.
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin boleh menjejaskan kredibiliti kredit anda di mana ianya menyebabkan kemudahan kredit adalah lebih sukar atau mahal untuk anda.
- Caj keuntungan akan dikenakan atas jumlah tertunggak atau ansuran yang tidak dibayar penuh. Caj keuntungan akan dikenakan dengan kadar keuntungan biasa kemudahan Kad Kredit-i.
- Sekiranya berlaku kegagalan pembayaran atau pembatalan kemudahan Kad Kredit-i, sebarang ansuran atau baki yang belum dijelaskan di bawah pengaturan ini perlu dibayar dengan segera oleh pemegang kad.



PENUKARAN BAKI AUTOMATIK (ABC) KAD KREDIT-i (TAWARRUQ)

Visa

Tarikh: _____
[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf]

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon program ABC Kredit Kad-i (Tawarruq). Sila baca terma & syarat program ini beserta terma & syarat Kad Kredit-i. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

- **Hak untuk tolak-selesai:** Pihak Bank berhak untuk menolak-selesai baki tertunggak dalam akaun pembiayaan anda dari mana-mana akaun deposit yang dikendalikan oleh Bank, dimana kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu.

6. Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pembiayaan ini sebelum tempoh matang?

Ibra' atau Rebat atas keuntungan tertangguh akan diberikan kepada Pelanggan tertakluk kepada prinsip Syariah:

- (a) Pihak Bank perlu memberi *Ibra'* atau Rebat bagi penyelesaian awal pembiayaan kepada Pelanggan;
- (b) Pihak Bank perlu memberi *Ibra'* atau Rebat ke atas keuntungan daripada amaun Kemudahan yang masih belum digunakan;
- (c) Pihak Bank perlu memberi *Ibra'* atau Rebat jika ada perubahan antara Caj Keuntungan Bumbung dan jumlah ansuran bulanan / Caj Keuntungan Sebenar yang boleh dibayar pada akhir tempoh pembiayaan (mengikut mana-mana yang berkenaan);
- (d) Sebarang *Ibra'* atau Rebat yang diberikan oleh pihak Bank perlu disifatkan sebagai terakhir dan muktamad. Pelanggan hendaklah bersetuju dengan ketepatan *Ibra'* yang diberikan tanpa sebarang bantahan atau pertikaian;

Nota: Perkara (a), (b), & (d) adalah terpakai untuk kedua-dua Kemudahan tetap dan terapung manakala perkara (c) adalah terpakai untuk Kemudahan terapung sahaja dan tertakluk kepada ketiadaan kejadian keingkaran yang berlaku dan berterusan.

(f) Formula Umum *Ibra'*:

Baki Tertunggak (Harga Jualan Tertunggak)	Jumlah Prinsipal Tertunggak	Jumlah Terhutang Kepada Bank ¹	Pengurangan <i>Ibra'</i>
---	-----------------------------	---	--------------------------

Yang mana:

¹Amaun terhutang kepada Bank merujuk kepada apa-apa amaun keuntungan yang tertunggak apabila penyelesaian awal seperti keuntungan bulan semasa dan/atau tunggakan keuntungan (jika ada).

² Pengurangan *Ibra'* merujuk kepada kos yang perlu ditanggung oleh Pelanggan disebabkan oleh penyelesaian awal sebelum kematangan (jika terpakai).

Ilustrasi *Ibra'* yang diberikan pada kematangan 5 tahun:

$$\begin{aligned}\text{Amaun } Ibra' &= 15,236 - 10,000 - 2,075.84 - 0 \\ &= 3,160.16\end{aligned}$$

7. Boleh saya membatalkan program ABC?

- Jika anda ingin membatalkan program ABC setelah penukaran berlaku, sila hubungi pihak Bank di maklumat hubungan seperti di bawah.
- Jumlah yang ditukar akan ditukar balik kepada kemudahan Kad Kredit-i dan kadar keuntungan biasa akan terpakai.

- Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi tanggungjawab pembiayaan anda, sila hubungi pihak Bank dengan segera melalui telefon 03-2600 5500 atau emel ke feedback@muamalat.com.my.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting untuk menghubungi pihak Bank dengan segera sekiranya berlaku perubahan maklumat untuk memastikan surat menyurat diterima tepat pada masanya.

Tel : 03-26005500
Laman web : www.muamalat.com.my
Cawangan : Mana-mana cawangan BMMB yang berdekatan

9. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan atau pembelaan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran, anda boleh menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran yang lain.
- Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau servis yang kami sediakan, sila hubungi kami di:

Tulis kepada : Bank Muamalat Malaysia Berhad
Customer Service Department
Level 19, Menara Bumiputra
21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-26005500
Laman web : www.muamalat.com.my
Cawangan : Mana-mana cawangan BMMB yang berdekatan

- Selain itu, anda juga boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan percuma tentang pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tulis kepada : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
Tingkat 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2616 7766
E-mail : enquiry@akpk.org.my

- Anda boleh berdaftar untuk program "Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!)" yang dianjurkan secara percuma oleh BNM. Program ini direka untuk mengajar dan mewujudkan kemahiran kewangan dalam pengurusan wang dan hutang peribadi.
- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:



بنك معاملات
Bank Muamalat

**PENUKARAN BAKI AUTOMATIK (ABC) KAD KREDIT-i
(TAWARRUQ)**

Visa

Tarikh: _____

[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf]

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon program ABC Kredit Kad-i (Tawarruq). Sila baca terma & syarat program ini beserta terma & syarat Kad Kredit-i. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

Tulis kepada : Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
Fax : 03-2174-1515
eLINK : <https://telelink.bnm.gov.my/>

10. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai produk ini, sila rujuk risalah produk yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman sesawang kami di www.muamalat.com.my.

11. Lain-lain produk sedia ada?

- Kad Debit-i
- Kad Kredit-i Visa Infinite
- Kad Kredit-i Visa Platinum

NOTA PENTING:

TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN KE ATAS KAD KREDIT-i (TAWARRUQ) ANDA.

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah pada: **22 September 2023**